

22 APR 2002

Mahathir-Sebat

PELAKU SUMBANG MAHRAM DISEBAT DI KHALAYAK JIKA K'JAAN DAPAT MANDAT RAKYAT

SEPANG, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hukuman sebat di khalayak ramai terhadap pesalah sumbang mahram boleh dilaksanakan jika rakyat memberikan mandat kepada kerajaan untuk berbuat demikian.

"Kita tak pernah lagi sebat orang di khalayak ramai. Tapi kalau rakyat hendak, kalau semua orang bagi mandat kepada kerajaan, kita boleh (laksanakan) kerana dia orang ini dah tak tahu malu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL sekembalinya daripada lawatan seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas saranan pelbagai pihak supaya pelaku sumbang mahram disebat di khalayak ramai sebagai langkah membendung gejala itu yang banyak dilaporkan akhir-akhir ini.

Dr Mahathir berkata ada di kalangan rakyat Malaysia yang kini sudah hilang rasa malu untuk melakukan bukan sahaja sumbang mahram tetapi kesalahan lain seperti mencuri wang termasuk menyeleweng wang Tabung Haji.

Beliau kecewa dan sedih dengan penglibatan segelintir orang Islam dalam perbuatan sumbang mahram yang mencerminkan bahawa akhlak mereka semakin terpesong daripada ajaran Islam.

Hukuman lebih berat tidak menjamin sesuatu kesalahan itu tidak akan dilakukan, kata Dr Mahathir sambil memberikan contoh undang-undang berhubung kegiatan mengedar dadah.

"Walaupun ada undang-undang yang tentukan mereka yang menyeludup dadah boleh dihukum bunuh, tetapi masih ada juga (mereka yang melakukan kesalahan itu)," katanya.

Dr Mahathir berkata ajaran agama dan program dakwah yang dijalankan di negara ini nampaknya tidak menekankan aspek keluhuran akhlak dan soal perbuatan berdosa dan tidak berdosa sebaliknya tertumpu kepada soal politik dan ibadah tertentu sahaja.

"Jadi mereka lakukan perbuatan amat keji ini kerana pengetahuan agama yang cetek," katanya.

Beliau berkata sumbang mahram boleh dibanteras dengan menyemai nilai-nilai mulia yang sesuai dengan pembangunan di kalangan anggota masyarakat.

Dr Mahathir ditanya sama ada gejala itu diburukkan lagi dengan pengedaran bahan-bahan lucah yang juga boleh diperolehi melalui Internet.

Menurutnya, mereka yang menjual bahan seumpama itu merupakan manusia tidak bermoral yang hanya tahu mengaut untung.

"Jika kita tidak bina benteng moral bagi menangkis bahan lucah, tidak banyak yang dapat dilakukan oleh kerajaan," katanya.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI